

### 1. Terpulang kepada SPRM menentukannya jika ada rasuah: Khairy

PUTRAJAYA: Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyerahkan satu pendrive yang didakwa mengandungi maklumat berkaitan salah laku Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, sebentar tadi.

Menteri Belia dan Sukan itu berkata kini terserah kepada pihak terbabit untuk menentukan sama ada wujud unsur rasuah dalam laporan berkenaan.

"Saya sudah menyerahkan pendrive dan senaskah laporan bercetak kepada Datuk Azam Baki, Pengarah Siasatan SPRM untuk siasatan dan tindakan selanjutnya," katanya yang ditemui di ibu pejabat SPRM di sini sebentar tadi.

"Kandungan pendrive itu adalah seperti mana yang diserahkan kepada saya oleh Tunku Mahkota Johor (Tunku Ismail Sultan Ibrahim). Saya cuma buka untuk membacanya, dicetak dan pendrive yang sama saya serahkan kepada SPRM.

Berkenaan isi kandungan pendrive berkenaan, Khairy berkata ia sama seperti kenyataannya sebelum ini di mana hanya soal teknikal berkaitan pengurusan bola sepak.

"Tetapi terpulang kepada SPRM untuk menentukan jika ada unsur penyelewengan atau rasuah di dalam laporan berkenaan,".



PUTRAJAYA 02 SEPTEMBER 2016. Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin di sidang media selepas menyerahkan pemacu pena atau pendrive yang mengandungi laporan mengenai bolasepak tanah air di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya

## 2. Pengerusi sebuah bank dibebas daripada reman

PUTRAJAYA: Mahkamah Majistret hari ini membebaskan pengerusi sebuah bank tempatan bergelar Tan Sri daripada tahanan reman berhubung siasatan penyelewengan dana bernilai RM15 juta membabitkan projek penerbitan buku biografi tokoh politik negara.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman membenarkan lelaki berusia 65 tahun itu dibebaskan selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak mengemukakan permohonan melanjutkan reman.

Pengerusi bank terbabit dibebaskan dengan jaminan tanpa deposit dengan seorang penjamin.

Sebelum ini, Tan Sri berkenaan direman tujuh hari bermula Selasa lalu bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Lelaki itu ditahan di ibu pejabat SPM ketika tampil memberi keterangan, pada jam 1.15 tengah hari, Isnin lalu.

### 3. SPRM sahkan pendrive tiada unsur rasuah



PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan pendrive yang didakwa mengandungi maklumat mengenai salah laku dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) tidak mengandungi sebarang unsur rasuah.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki, berkata pihaknya sudah selesai meneliti sepenuhnya kandungan pendrive yang diserahkan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin pada Jumaat lalu.

"Hasil penelitian terhadap isi kandungan pendrive itu mendapati ia tidak mengandungi sebarang unsur rasuah mengikut Akta SPRM 2009.

"Berikutan itu, SPRM akan menghantar satu laporan mengenai siasatan itu kepada FAM dalam masa terdekat bagi proses penambahbaikan dan tindakan persatuan itu khususnya mengenai isu teknikal yang dibangkitkan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Jumaat lalu, Khairy menyerahkan pendrive berkenaan kepada SPRM. Pendrive itu diterima beliau daripada Tunku Ismail Sultan Ibrahim, yang juga pemilik skuad Johor Darul Takzim (JDT) di Johor Bahru lebih seminggu lalu.

Azam berkata, SPRM juga sedia bekerjasama dengan FAM dan mana-mana pihak dalam hal berkaitan bagi membincangkan isu yang timbul jika membabitkan unsur rasuah.

#### 4. PAC panggil dua kementerian, jabatan beri keterangan



*Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin.*

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memanggil dua kementerian dan dua jabatan bagi memberi keterangan berhubung perkara dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin, berkata Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKAO) sudah dipanggil hari ini.

Beliau berkata, kedua-duanya diminta memberi keterangan berkaitan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli, yang disentuh dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014 siri tiga.

"Prosiding hari ini bertumpu kepada Program Pembangunan Sosial membabitkan Sistem Bekalan Air Terawat untuk masyarakat Orang Asli.

"PAC mendengar penjelasan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Mohd Arif Ab Rahman dan Ketua Pengarah JAKAO, Mohd Jamaluddin Kasbi berhubung penyediaan Sistem Bekalan Air Terawat untuk masyarakat Orang Asli," katanya dalam kenyataan, hari ini.

PAC memulakan mesyuarat prosiding selama tiga hari bermula hari ini.

Hasan berkata, esok, PAC akan memanggil Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam prosiding membabitkan Program Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs).

"Pada Rabu pula, PAC akan mendengar prosiding Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Sabah membabitkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah," katanya.



Selasa, 6 September 2016

##### 5. Ekonomi Malaysia konsisten atasi pertumbuhan purata dunia



*PENGURUS Negara Malaysia Kumpulan Bank Dunia, Faris H Hadad-Zervos. - Sumber [worldbank.org](http://worldbank.org)*

KUALA LUMPUR: Corak pertumbuhan ekonomi Malaysia secara konsisten berjaya mengatasi pertumbuhan purata di peringkat global dan akan terus bergerak positif menuju ke depan, di sebalik suasana ekonomi serantau yang lebih perlakan kebelakangan ini.

Pengurus Negara Malaysia Kumpulan Bank Dunia, Faris H Hadad-Zervos, berkata berita ekonomi negara ini sejak beberapa tahun lalu secara dasarnya adalah sentiasa positif dan Malaysia secara berterusan mampu mencatatkan pertumbuhan, meskipun berlaku kelembapan ketara di peringkat global dan serantau.

"Corak pertumbuhannya, sama ada turun atau naik beberapa mata sekali pun, masih lagi lebih tinggi berbanding purata (global).

"Perkembangan itu akan menjadi asas kepada kerajaan dan sektor swasta untuk terus memacu pertumbuhan masa depan negara ini," katanya kepada pemberita di luar Bengkel Peluang Perniagaan dan Kesedaran Perniagaan anjuran Kumpulan Bank Dunia di sini, hari ini.

Bengkel sehari dianjurkan dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC).

Ia bagi berkongsi peluang perniagaan projek pembangunan yang dibiayai oleh Kumpulan Bank Dunia di seluruh dunia kepada syarikat tempatan.

Ia juga menumpukan kepada produk serta khidmat nasihat yang ditawarkan oleh International Finance Corp dan Agensi Jaminan Pelaburan Multilateral (MIGA).

Mengulas lanjut, Hadad-Zervos berkata, pertumbuhan ekonomi negara ini secara umumnya disokong oleh dasar kerajaan yang pro pertumbuhan, termasuk bajet tahunan yang dibentangkan.

Katanya, kerajaan negara ini sentiasa merasionalisasikan serta menyemak semula bajet bagi memenuhi keperluan rakyat sama ada dari segi pertumbuhan maupun penyampaian perkhidmatan.

"Apa yang kami pelajari setakat ini (mengenai pertumbuhan Malaysia) adalah keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran luar. Justeru, setakat ini bajet (Kerajaan Persekutuan) sentiasa menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia," katanya.

Beliau menambah, tema bagi bajet 2017 dan tahun yang berikutnya akan meneruskan semua perkara positif yang sudah berlaku sebelum ini.

Katanya, mengikut sejarah, Malaysia diakui sangat pantas bertindak balas kepada pelbagai perubahan arah aliran yang berlaku di seluruh dunia.

"Malaysia boleh mencatatkan pertumbuhan jika kerajaan terus melaksanakan dasar sedia ada yang terbukti menyokong pertumbuhan. Malah, kami yakin Malaysia akan terus mencapai pertumbuhan," katanya.

Bank Negara Malaysia baru-baru ini menjelaskan permintaan domestik pada suku tahunan semasa adalah lebih kukuh, namun pertumbuhan ekonomi dipengaruhi oleh penurunan berterusan dalam eksport bersih.

#### **INFO: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia 2016**

\*4.2 peratus pada suku pertama

\*4.0 peratus pada suku kedua

## 6. Skandal 1MDB bukan faktor perubahan pelaburan Malaysia

KUALA LUMPUR: Skandal membabitkan syarikat pelaburan strategik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bukan faktor yang menyebabkan perubahan terhadap pelaburan di Malaysia.

Sebaliknya, skandal berkenaan terjadi seiring dengan kemerosotan harga tenaga dan minyak global yang menyebabkan kelembapan pertumbuhan terhadap ekonomi Malaysia.

Portal berita, Global Risk Insight (GRI) berkata, skandal berkenaan berlaku di saat terjadinya kelembapan ekonomi global kesan turun naik pasaran saham disebabkan ketidaktentuan sebelum, semasa dan selepas Britain keluar daripada Kesatuan Eropah (EU).

"Apa yang pasti ekonomi Malaysia adalah berdaya tahan berdasarkan kejayaannya mengharungi krisis kewangan Asia 1997 dan ada kemungkinan Malaysia mampu pulih daripada kedudukan semasa ekonominya," kata laporan yang ditulis Alexander Macleod yang disiarkan di portal itu, semalam.

Analisis itu juga menyatakan, sudah ada tanda bahawa ringgit sudah mula pulih dan baru-baru ini, laporan Bank Dunia meramalkan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Malaysia pada tahun depan.

Katanya, perkara itu diperkuuhkan oleh komitmen padu Malaysia melaksanakan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"Kerajaan Malaysia juga menunjukkan komitmen dengan menumpukan usaha menggalakkan inisiatif pelaburan seperti Program Promosi Malaysia (MPP) yang juga kerjasama strategik awam-swasta bagi meningkatkan dagangan dan menarik lebih banyak pelaburan pada masa depan serta perdagangan dengan pusat kewangan global utama," katanya.

Analisis itu juga menyatakan walaupun krisis 1MDB terus menguasai tajuk utama, ia tidak akan memaksa anjakan tektonik dalam landskap ekonomi Malaysia.

"Malaysia mula pulih daripada peristiwa tahun lalu apabila pasaran saham jatuh, mata wang jatuh bebas dan ketegangan politik yang ketara.

"Kerajaan dipimpin Datuk Seri Najib Razak sudah dapat mengatasi masalah dalaman dengan mengukuhkan perpaduan parti di saat cubaan campur tangan asing terhadap hal ehwal ekonomi dan politik negara.

"Pelabur terus yakin dengan rangka kerja dan kawal selia berdaya saing Malaysia. Walaupun wujud keraguan terhadap pasaran sahamnya, kini ia sudah mula menunjukkan kestabilan.

"Buat masa ini, Malaysia membuktikan walaupun berada dalam keadaan paling teruk dalam 'ribut' politik dan ekonomi, ia bangkit berusaha untuk memperbaharui statusnya sebagai pasaran baharu yang menarik," katanya.



Rabu, 7 September 2016

## 7. Kerajaan PP didesak maklum status kajian terowong dasar laut



*Ketua Biro Pengaduan Awam dan Undang-Undang Gerakan Negeri, Jason Loo (kiri) menunjukkan kronologi projek terowong ketika sidang media projek terowong bawah laut di Ibu Pejabat Gerakan negeri, Jalan Macalister, Georgetown, semalam. - Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal*

GEORGETOWN: GERAKAN negeri hari ini, mendesak Kerajaan DAP Pulau Pinang mendedahkan status terkini kajian kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut yang dirancang dilaksanakan di negeri ini.

Pemangku Ketua Pemuda GERAKAN negeri, Jason Loo, berkata ia susulan tindakan Kerajaan DAP Pulau Pinang semalam, yang memutuskan untuk mengeluarkan Beijing Urban Construction Group (BUCG) daripada projek terbabit.

"Pada 14 Jun lalu, BUCG yang bertanggungjawab bagi projek berkenaan menyatakan kajian kebolehlaksanaan terhadap projek yang sudah siap hampir 83 peratus itu akan dihentikan, sebelum perkara itu dinafikan Ketua Menteri, Lim Guan Eng.

"Justeru, sekarang kita mahu kerajaan negeri jelaskan status terkini kajian berkenaan selepas BUCG dikeluarkan daripada projek terbabit," katanya pada sidang media di Pejabat GERAKAN di Jalan Macalister di sini, hari ini.

Beliau berkata, jawapan diberikan kerajaan negeri berhubung isu projek terowong dasar laut sering dipusing-pusing seperti membuat pusingan U.

"Kini, BUCG secara rasminya dikeluarkan daripada kajian kebolehlaksanaan projek mega bernilai hampir RM6.3 bilion ini. Justeru, kita mahu tahu siapa pula yang akan bertanggungjawab mengambil alih projek berkenaan.

"Adakah kerajaan negeri sekali lagi akan membuat pusingan U dengan menyatakan syarikat berkenaan tidak dikeluarkan daripada projek ini," katanya.

Semalam, sebuah portal berita melaporkan kerajaan negeri sudah mengeluarkan BUCG daripada projek terbabit berikutan kejadian nahas kren yang meragut nyawa seorang wanita berasal dari Pulau Pinang, di Kuala Lumpur pada 25 Ogos lalu turut membabitkan syarikat berkenaan.

Turut dilaporkan, Guan Eng tetap dengan pendirian untuk tidak membenarkan syarikat itu beroperasi di negeri ini disebabkan keengganannya mereka bertanggungjawab ke atas kemalangan itu.

**8. Syarikat perumahan boleh tawar pinjaman - Noh Omar**

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar berucap merasmikan Sidang Kemuncak Hartanah & Perumahan Negara 2016, di Hotel Sunway Resort, Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Sairien Nafis

PETALING JAYA: Bermula hari ini, pemaju perumahan yang layak boleh memohon lesen pinjaman wang untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pembeli harta tanah, khususnya syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan kukuh.

Lesen berkenaan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar, berkata kemudahan berkenaan akan membolehkan pemaju menyediakan pinjaman perumahan bagi membantu pembeli yang berdepan kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan termasuk bank.

"Cadangan ini adalah situasi menang-menang bagi kedua-dua pemaju perumahan dan pembeli. Bagi pemaju, kemudahan pembiayaan ini memberikan sumber keuntungan kedua.

"Pertamanya, sudah pasti daripada jualan rumah dan keduanya daripada hasil skim pembiayaan yang dicadangkan ini, boleh menjadi satu lagi sumber keuntungan daripada pembangunan sama.

"Tambahan pula, sumber keuntungan kedua ini adalah hasil jangka panjang berulang memandangkan tempoh pinjaman bagi rumah adalah dalam lingkungan 10 hingga 20 tahun," katanya berucap merasmikan Sidang Kemuncak Hartanah & Perumahan Negara di sini, sebentar tadi.



Ahad, 18 September 2016

#### 9. Internet perindustrian mengubah kehidupan



CARA kita menjalankan perniagaan dan berinteraksi dengan mesin industri sentiasa berubah dengan sebahagian besarnya disebabkan faktor kebangkitan Internet Perindustrian.

Manfaat daripada hubungan mesin dan analisis adalah pelbagai dan penting, dengan inovasi teknikal Internet Perindustrian dijangka menyumbang lebih daripada AS\$32.3 trilion kepada aktiviti ekonomi.

GE, peneraju industri dalam Internet Perindustrian, menekankan bahawa dengan hanya satu peratus peningkatan boleh menghasilkan lonjakan faedah berskala besar kepada perniagaan dan pengguna akhir.

GE berkongsi pandangan mereka mengenai aplikasi teknologi ini, dan juga bagaimana mereka menjangka evolusi Internet Perindustrian pada tahun-tahun akan datang.

GE Predix™, platform perisian baru yang berkeupayaan tinggi dalam menghubungkan manusia, data dan mesin melalui Internet Perindustrian.

#### 1. Usaha sama Cipta - Lebuh raya Innovasi

GE PredixTM adalah satu platform perisian baru yang berkeupayaan tinggi dalam menghubungkan manusia, data dan mesin melalui Internet Perindustrian.

Umpama sistem iOS yang memperkasakan operasi peranti iPhone, PredixTM mempunyai satu set perkhidmatan perisian yang membantu para pemaju membina aplikasi untuk Internet Perindustrian.

Mengambil langkah seterusnya, GE telah melancarkan PredixTM App Factory, satu metodologi lanjutan yang berkeupayaan mempercepat usaha membuat prototaip, pengesahan dan pembangunan aplikasi Internet Perindustrian, untuk membantu memendekkan kitaran pembangunan yang kebiasaannya mengambil tempoh berbulan kepada beberapa minggu.

## **2. Ke arah Kecekapan dan Seterusnya - Kuasa Satu Peratus**

Dengan Internet Perindustrian, peningkatan sebanyak satu peratus dalam kecekapan boleh menghasilkan sejumlah besar penjimatan.

Ia bermula dengan langkah menerapkan sensor dan peralatan canggih yang lain dalam tatasusunan mesin-mesin daripada yang fungsinya mudah kepada yang sangat kompleks.

Ini membolehkan pengumpulan dan analisis data yang sangat banyak, yang boleh digunakan untuk meningkatkan prestasi mesin, dan pastinya dapat meningkatkan kecekapan sistem dan rangkaian yang menghubungkan mereka.

## **3. Apabila Fungsi Pemikiran Manusia dan Mesin Disatukan**

Menurut firma penganalisis Gartner, lebih daripada 26 bilion peranti akan dihubungkan pada tahun 2020; Internet Perindustrian akan memainkan peranan yang besar dalam menghubung mesin dan manusia, serta membolehkan mereka untuk berinteraksi antara satu sama lain.

Data ini menyediakan maklumat dan pandangan berharga kepada sektor perniagaan dan mereka yang bertanggungjawab dalam membawa kecekapan dan produktiviti yang besar kepada perindustrian.

## **4. Kuasa Wawasan Masa Nyata**

Adalah penting untuk mendapat tahu sesuatu maklumat, lebih-lebih lagi untuk mengetahuinya sekarang.

Menganalisis data masa nyata membawa kepada keupayaan pemasaran yang berkesan, peluang-peluang pendapatan baru, perkhidmatan pelanggan yang lebih baik, kecekapan operasi yang bertambah baik, kelebihan daya saing berbanding organisasi saingan; dan senarai ini berterusan.

Dengan kemajuan pemantauan sistem disamping kos untuk mengguna pakai teknologi maklumat yang menurun, keupayaan untuk bekerja dengan data masa nyata semakin berkembang.

Keupayaan lebih besar dalam mengurus dan menganalisis frekuensi tinggi data masa nyata pastinya mengubah visi terhadap operasi sistem ke tahap baru.

### **5. Produktiviti dan Kecekapan Boleh Membantu Menyelamat Nyawa**

Internet Perindustrian bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan produktiviti; ia juga membantu menyelamatkan nyawa.

Gabungan sensor, analisis data, dan perkongsian data antara manusia dan mesin akan memberitahu kita apa yang kita perlu tahu sebelum ia berlaku.

Sebagai contoh, sebuah pesawat pintar akan dapat memberi isyarat kepada krew penyelenggaraan di mana bahagian-bahagian yang perlu diganti dan bila ia perlu dilakukan.

Ini akan membolehkan syarikat penerbangan untuk merancang jadual penyelenggaraan mereka dengan sewajarnya, sekaligus mengurangkan risiko kegagalan mekanikal.

GE Reports Malaysia menyediakan berita terkini mengenai sains, teknologi dan inovasi. Pastikan anda mendapat maklumat industri terkini lebih awal.

**10. CUEPACS bantah syor waktu bekerja 6 jam**

PRESIDEN Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda berucap pada majlis perasmian mesyuarat Kesatuan Anggota KEMAS di Georgetown, hari ini. - Foto Amir Irsyad Omar

GEORGETOWN: Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak menyokong cadangan pengurangan waktu bekerja kepada enam jam sehari.

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata mereka yang bersetuju dengan cadangan untuk mengurangkan waktu kerja daripada lapan jam sekarang kepada enam jam hanyalah mereka yang malas.

"Tiada siapa yang bekerja lapan jam secara berterusan. Pekerja keluar untuk waktu rehat minum kopi atau keluar untuk mengambil anak pulang dari sekolah dan lain-lain. Oleh itu, CUEPACS membantah idea berkenaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat Kesatuan Anggota KEMAS di sini, hari ini.

Idea waktu bekerja selama enam jam sehari dicadangkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Azih juga berkata beliau khuatir jika waktu bekerja selama enam jam itu dilaksanakan, ia akan menjelaskan pekerja yang dibayar mengikut jam kerana gaji mereka menjadi lebih rendah terutama dengan kos sara hidup yang semakin mahal.

"Kami berharap kerajaan akan mengkaji dengan teliti perkara itu dan juga berharap waktu kerja tidak dikurangkan tetapi gaji dinaikkan," katanya.

Sementara itu, Azih berkata, CUEPACS juga berharap Kementerian Kewangan akan memansuhkan kontrak jangka pendek kerana ia menindas pekerja kerana mereka tidak layak untuk menikmati faedah seperti caruman PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan (KWSP).

Azih berkata CUEPACS telah menerima banyak aduan daripada pekerja dan berpendapat bahawa ia tidak adil untuk mereka.

"Kami berharap kontrak pekerja ditandatangani untuk minimum dua tahun dan ke atas bagi memastikan kebijakan mereka dan berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mengambil kira pandangan ini semasa pembentangan bajet akan datang," katanya.

Najib dijadual membentangkan Bajet 2017 di Parlimen pada 21 Oktober dan meminta orang awam termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik untuk mengemukakan cadangan untuk bajet. - BERNAMA



Isnin, 19 September 2016

#### 11. Akta Majlis Keselamatan Negara tidak gugat sistem negara



*MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim. - Foto Lugman Hakim Zubir*

KANGAR: Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) tidak sama sekali menggugat kuasa Yang di-Pertuan Agong, seperti yang didakwa pihak pembangkang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata akta ini hanya khusus di kawasan tertentu sahaja dan bukannya berskala besar.

Katanya, rang undang-undang yang diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara itu merujuk kepada Perkara 74 (kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang di kawasan tertentu) dan bukannya Perkara 150 (proklamasi darurat).

"Akta MKN tidak sama sekali memberi kuasa kepada Perdana Menteri seperti yang didakwa kerana kuasa itu terletak kepada MKN.

"Ia hanya membabitkan kawasan keselamatan tertentu seperti di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan kawasan sempadan negara," katanya kepada pemberita sebelum merasmikan Majlis Konvensyen MIC Negeri Perlis ke-70 di sini hari ini.

Mengulas dakwaan Akta MKN mengancam demokrasi negara, Shahidan berkata, ia tidak berasas kerana rang undang-undang itu diluluskan di Parlimen selepas majoriti menyokongnya.

"Akta ini sudah menjadi undang-undang kerana diluluskan mengikut demokrasi..mengapa ia perlu dipersoalkan serta didakwa mengancam demokrasi?.

"Sebenarnya, mereka yang menentang Akta MKN ini, yang mengancam demokrasi negara," katanya.'

12. 35 tahun cukup bayar pinjaman perumahan - BNM



## BANK NEGARA MALAYSIA

KUALA LUMPUR: Tempoh maksimum 35 tahun lebih daripada mencukupi untuk peminjam menyelesaikan pinjaman perumahan mereka menjelang umur persaraan, demikian Bank Negara Malaysia (BNM).

Sebagai contoh, katanya, jika pinjaman perumahan ditawarkan ketika peminjam berusia 25 tahun, tempoh pembiayaan selama 35 tahun adalah hingga umur persaraan 60 tahun.

"Sebaliknya, dengan melanjutkan tempoh pinjaman kepada 40 tahun akan menambah jumlah kos pembiayaan tanpa sebarang peningkatan ketara dalam kemampuan seseorang untuk membayar ansuran bulanan," kata bank pusat menerusi kenyataan, hari ini.

BNM mengulas laporan media mengenai permintaan supaya bank pusat mengkaji semula garis panduan pemberian pinjaman dengan melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman daripada 35 kepada 40 tahun.

Mengulas lanjut, BNM berkata, pelaksanaan garis panduan pembiayaan bertanggungjawab BNM berfungsi untuk melindungi kepentingan individu supaya mereka membuat pinjaman mengikut kemampuan bagi membayar balik pinjaman sepanjang tempoh terbabit.



*Tempoh maksimum 35 tahun lebih daripada mencukupi untuk peminjam menyelesaikan pinjaman perumahan mereka menjelang umur persaraan. - Gambar hiasan*

Katanya, ia bagi mengelakkan peminjam menghadapi masalah kewangan yang disebabkan oleh beban hutang berlebihan yang mungkin membawa kepada rampasan rumah, lantas menjaskan objektif pemilikan rumah.

"Menjadi tanggungjawab institusi kewangan untuk memastikan pendapatan peminjam selepas potongan wajib, perbelanjaan keperluan asas dan semua tanggungan hutang lain adalah mencukupi untuk membayar balik hutang.

"Ini bagi memastikan peminjam boleh terus membayar balik pinjaman serta mempunyai baki kewangan mencukupi untuk perbelanjaan mereka. Ia juga bagi membolehkan peminjam bersedia menghadapi sebarang kenaikan kadar pinjaman dan kos sara hidup pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, BNM menyatakan institusi kewangan akan terus memberi pinjaman kepada individu yang layak untuk memperoleh pinjaman perumahan, termasuk pembelian rumah pertama mereka.

Pada Julai lalu, katanya, jumlah pinjaman perumahan terkumpul yang diberi oleh institusi kewangan terus meningkat pada 10.1 peratus (pada asas tahunan) yang berjumlah RM460.2 bilion.

"Kira-kira 75 peratus pembeli (kira-kira 1.5 juta peminjam) yang mempunyai pinjaman adalah pembeli rumah kali pertama," katanya.

BNM berkata, akses kepada pembiayaan bukan masalah utama yang dihadapi oleh bakal pembeli rumah mampu milik.

"Isu asas yang memerlukan penyelesaian adalah kemampuan dan kekurangan bekalan rumah harga berpatutan," katanya.

## INFO

\* Kira-kira 75 peratus atau 1.5 juta peminjam ialah pembeli rumah kali pertama



Rabu, 21 September 2016

### 13. Bekas pengurus kilang MARDEC dituduh pecah amanah RM18j



*BEKAS Pengurus Kilang Getah milik Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) Muhammad Faizal Sudin, di bawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh, didakwa atas dua pertuduhan pecah amanah membabitkan kerugian RM18juta kepada perbadanan itu, antara 2011 hingga 2012. - Foto L. Manimaran*

IPOH: Seorang bekas pengurus kilang pemerosesan getah milik Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini sebentar tadi atas dua pertuduhan pecah amanah antara 2011 hingga 2012 membabitkan kerugian lebih RM18 juta kepada perbadanan itu.

Tertuduh, Muhammad Faizal Sudin, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan selepas pendakwaan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim S Indra Nehru.

Bagi pertuduhan pertama, Muhammad Faizal sebagai ejen iaitu Pengurus Kilang Getah Mardec Processing Sdn Bhd dituduh melakukan pecah amanah membabitkan harta kilang berjumlah

RM767,466.95 pada Ogos hingga Disember 2011 di kilang getah milik Mardec Processing Sdn Bhd, di Bota Kanan, Parit.

Bagi pertuduhan kedua, Muhammad Faizal turut dituduh melakukan kesalahan sama di lokasi sama pada Januari hingga Oktober 2012 membabitkan harta kilang sebanyak RM17.4 juta.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat dan boleh dikenakan denda.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Datin Nurshuhaida Zainal Azahar manakala tertuduh diwakili peguam Saiful Ambar Abdullah Ambar.

Mahkamah turut menetapkan 25 November ini sebagai tarikh sebutan semula kes manakala tertuduh diarahkan membayar wang jaminan sebanyak RM400,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan dua orang penjamin dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya melaporkan diri di balai polis berhampiran tempat tinggalnya sebulan sekali.

14. Khamis, 22 September 2016

### Malaysia catat FDI RM28.2b pada separuh pertama 2016



*Datuk Seri Mustapa Mohamed.*

KUALA LUMPUR: Malaysia kekal menjadi destinasi pilihan pelabur antarabangsa apabila merekodkan kelulusan pelaburan langsung asing (FDI) bernilai RM28.2 bilion bagi tempoh separuh pertama 2016.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kelulusan FDI bagi enam bulan pertama 2016 itu mencecah 78.2 peratus daripada FDI yang diluluskan bagi keseluruhan 2015.

Dalam sektor pembuatan, katanya, Malaysia berjaya menarik FDI berjumlah RM12.5 bilion atau 63.8 peratus daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor berkenaan bagi separuh pertama 2016.

Penyumbang terbesar FDI berkenaan adalah United Kingdom iaitu sebanyak RM2.07 bilion; diikuti China (RM1.58 bilion); Korea (RM1.52 bilion); Singapura (RM1.46 bilion) dan Jepun (RM0.91 bilion).

Projek pembuatan yang diluluskan itu mewujudkan 32,310 peluang pekerjaan yang mana 22.1 peratus daripadanya dalam bahagian penyeliaan, teknikal dan pengurusan manakala 62.4 peratus dalam kategori kemahiran kraf tangan.

"Meskipun persekitaran ekonomi yang mencabar, kita terus menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam projek berkualiti di kawasan berpotensi.

"Dengan kehadiran FDI yang kukuh di negara ini, kita optimis ekosistem rantai bekalan dan industri perkhidmatan berkaitan akan terus berkembang," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), hari ini.

Secara keseluruhan, pelaburan langsung bernilai RM88.4 bilion diluluskan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan utama pada separuh pertama 2016. Ia lebih rendah berbanding RM125.9 bilion yang dicatat pada tempoh sama 2015.

Menurut MIDA, nilai pelaburan yang diluluskan pada separuh pertama 2016 adalah bagi 2,499 projek dan dijangka mewujudkan 76,000 pekerjaan.

"Prestasi pelaburan lebih baik pada separuh pertama 2015 didorong dua projek besar petrokimia yang diluluskan dalam sektor pembuatan pada tempoh sama tahun lalu iaitu projek di Pengerang, Johor dan projek LNG9 di Sarawak," katanya.

Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang terbesar pelaburan dengan RM67.5 bilion, diikuti pembuatan (RM19.6 blion) manakala sektor utama menyumbang RM1.3 bilion pelaburan.



Sabtu, 24 September 2016

### 15. TPPA akan pacu pertumbuhan global - Bank Dunia

KUALA LUMPUR: Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan membuka serta memacu gelombang pertumbuhan global akan datang kerana menyentuh pelbagai isu yang melangkui perdagangan tradisional.

Ketika berkongsi pandangan itu, Pengurus Bank Dunia bagi Malaysia, Faris Hadad-Zervos, berkata TPPA akan menangani isu-isu termasuk harta intelek dan hak pekerja kalangan negara anggotanya.

"TPPA memaparkan secara mendalam mengenai semua perkara yang diperlukan bagi menjana pengaliran perdagangan dunia. Kami berharap TPPA ini dapat dilaksanakan.

"Ia adalah perjanjian perdagangan yang penting dan memberi manfaat kepada negara-negara anggotanya," katanya dalam satu temu bual dengan Bernama, baru-baru ini.

TPPA adalah perjajian perdagangan merangkumi 12 negara iaitu Malaysia, Amerika Syarikat (AS), Vietnam, Jepun, Singapura, Brunei, Australia, New Zealand, Kanada, Mexico, Peru serta Chile.

Cadangan akhirnya dimeterai di Auckland, New Zealand pada Februari 2016, sekaligus menamatkan perundingan selama tujuh tahun.

Ia kini dalam proses ratifikasi selama dua tahun sebelum berkuatkuasa pada 2018 kelak.

Bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai perjanjian perdagangan mega itu kian ketara selepas beberapa negara bertindak melengahkan proses ratifikasi atau pengesahannya berikutan kebimbangan terhadap nasib TPPA selepas pemilihan Presiden AS pada November ini.

Perdana Menteri New Zealand, John Key baru-baru ini berkata, AS bakal kehilangan peluang besar jika TPPA tidak diluluskan pada sesi Kongres yang disifatkannya sebagai lemah.

Menurut Key, kerugian itu tidak hanya ditanggung kalangan pengguna serta perniagaan AS, tetapi juga potensi perkembangan perjanjian itu kepada negara-negara seperti China, Indonesia dan Korea Selatan.

Sementara itu, Pakar Ekonomi Kanan Bank Dunia, Rafael Munoz Moreno pula menyifatkan perjanjian perdagangan baharu itu akan membuka lebih banyak peluang untuk negara-negara yang menyertainya.

Sehubungan itu, tegasnya, campur tangan kerajaan sememangnya amat penting bagi membantu rakyat meraih manfaat perjanjian berkenaan.

"Kerajaan perlu terbabit secara aktif dengan kumpulan-kumpulan berkaitan untuk menggalakkan perbincangan terbuka mengenainya," katanya.

Menurut Moreno, secara keseluruhannya, perjanjian perdagangan ini membawa manfaat kepada negara-negara terbabit biarpun ia dilihat tidak memberi kesan kepada segelintir kumpulan yang tidak memiliki kemahiran bersesuaian.

Oleh itu, beliau mengingatkan peri pentingnya keperluan mengemukakan cadangan bagi mengimbangi impak dagangan itu akibat kecaman pihak tertentu yang mendakwa mereka akan terpinggir menerusi perjanjian itu.

"Ketetapan baharu perjanjian itu mungkin mencetuskan kontroversi kerana ia melangkaui pengurangan tarif dan sekatan tradisional lainnya.

"Ia juga berkemungkinan melangkaui piawaian alam sekitar atau buruh. Oleh kerana ia menjadi lebih kontroversi, maka ada pihak yang berasakan keperluan untuk menentangnya," katanya.

**16. Audit lebih kerap cegah penyelewengan - KSN**

**KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.**

PUTRAJAYA: Pemantauan serta pemeriksaan termasuk secara mengejut perlu kerap dilakukan, terutama di agensi yang berisiko tinggi berlaku penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata pelaksanaan audit oleh Jabatan Audit Negara, unit audit dalaman kementerian atau agensi juga perlu memainkan peranan lebih proaktif lagi berkesan bagi tujuan berkenaan.

"Perbelanjaan berhemah perlu dijadikan amalan dan budaya dalam perkhidmatan awam dengan menerapkan dasar 'nilai untuk wang' supaya perbelanjaan mendatangkan hasil optimum.

"Selain itu, pendekatan nilai pengurusan perlu ditekankan kerana melalui penjimatan dan pengurusan kewangan yang cekap, lebih banyak projek boleh dilaksana bagi manfaat masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) 2015 bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan, di sini hari ini.

Pada majlis sama, turut disempurnakan penyerahan sumbangan bahan bacaan kempen 'Take A Break and Read @Putrajaya 2016: A Book Alive (TABR#abookalive)'.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal; Ketua Audit Negara, Tan Sri

Ambrin Buang dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri merangkap Penaung Program TABR#abookalive, Tan Sri Othman Mahmood.

Ali Hamsa menegaskan, pengurusan kewangan awam secara bersepadan dan terkawal adalah penting supaya perencanaan pembangunan negara dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.



Selasa, 27 September 2016

#### 17. Kadar GST dijangka kekal - Johari



*MENTERI Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berucap pada majlis penutup Forum Megatrends Khazanah 2016 di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Aizuddin Saad*

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak bercadang membuat sebarang pelarasan dalam kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) buat masa ini memandangkan cukai kepenggunaan itu baru saja diperkenalkan.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata langkah terkini adalah memastikan sistem cukai yang diperkenalkan kurang daripada dua tahun itu dapat serasi dengan keseluruhan corak perbelanjaan pengguna di negara ini.

"Saya tidak fikir akan ada sebarang perubahan dalam GST buat masa ini," katanya ketika ditemui selepas menutup Forum Megatrends Khazanah 2016 di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada kerajaan akan mengurangkan kadar GST bagi merangsang perbelanjaan pengguna.

Mengenai sasaran mencapai defisit 3.1 peratus tahun ini, Johari berkata, sasaran defisit itu mampu dicapai.

Beliau berkata, langkah tidak popular seperti melaksanakan GST dan merasionalisasikan subsidi adalah usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit negara.

Mengenai langkah kerajaan untuk merancakkan ekonomi negara, Johari berkata, pelaksanaan projek infrastruktur mega seperti MRT, LRT, kereta api berkelajuan tinggi dan Lebuhraya Pan Borneo adalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, jika digabungkan semua projek infrastruktur yang dilaksanakan itu adalah berjumlah lebih RM150 bilion.

"Kita melaksanakan projek infrastruktur ini untuk merangsang ekonomi dan pada masa ia akan memanfaatkan rakyat terutama untuk generasi akan datang," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Johari berkata, menangani isu membabitkan kesejahteraan rakyat dalam tempoh jangka pendek penting bagi memastikan asas yang kukuh sebelum merealisasikan matlamat jangka panjang.

Beliau berkata, dengan rangka kerja dasar yang mantap membolehkan negara terus berdepan sebarang kejutan luaran.

Katanya, adalah kritikal untuk negara membuat keputusan berdasarkan fakta dan data dalam berdepan cabaran semasa.

"Apa yang penting kita mesti menyeimbangkan matlamat jangka pendek dan panjang sementara memastikan ia memanfaatkan kesejahteraan rakyat pada masa kini dan masa akan datang," katanya.

Sebelum menyampaikan ucapan penutup, Johari bersama mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi melancarkan buku 'Discovering Langkawi with Irshad Mobarak' pada forum itu.

Yang hadir sama, Timbalan Penggerusi Khazanah Nasional Bhd, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar.

**18. Pengarah JKR Melaka dituduh rasuah, ubah wang haram RM1.28j**

*PENGARAH Jabatan Kerja Raya negeri, Datuk Khalid Omar diiringi Penguatkuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini terhadap 16 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram di Kompleks Mahkamah Melaka, Ayer Keroh. - Foto Rasul Azli Samad*

AYER KEROH: Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas 16 pertuduhan membabitkan rasuah dan pengubahan wang haram berjumlah RM1.28 juta di sekitar daerah Melaka Tengah antara tempoh Mac 2014 hingga 15 Ogos lalu.

Tertuduh, Datuk Khalid Omar, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas semua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Khalid menghadapi 13 pertuduhan membabitkan dakwaan secara rasuah menerima untuk dirinya suapan dengan nilai RM3,000 hingga RM50,000 daripada beberapa individu sebagai balasan untuk mendapatkan tawaran kerja.

Bagi semua pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan bagi Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, manakala Seksyen 165 Kanun Keseksaan pula dipenjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Selain itu, tertuduh turut menghadapi tiga pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram iaitu memiliki wang berjumlah RM1.08 juta antara 30 Jun hingga 15 Ogos lalu.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) dan sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM5 juta atau penjara maksimum 15 tahun.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM negeri, Ahmad Akram Gharib, manakala tertuduh diwakili peguam bela Azrul Zulkifli Stork.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM250,000 bagi 16 pertuduhan terbabit dengan seorang penjamin, memerintahkan pasport tertuduh dirampas, tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM negeri, selain menetapkan 4 November depan bagi sebutan semula kes.